

TARIKH	24 / 04 / 2014	SEKSYEN	NEGARA
MUKA SURAT	9	RUANGAN	

Penularan virus terus dipantau

PUTRAJAYA - Tempoh pengawasan ke atas 15 orang rombongan yang pulang bersama seorang lelaki yang dijangkiti Sindrom Pernafasan Timur Tengah-Virus Korona (MERS-CoV) dilanjutkan selama dua minggu bagi memastikan mereka bebas dijangkiti virus itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, saringan di pintu masuk negara bagi penerbangan antarabangsa dari Timur Tengah juga diteruskan.

"Jemaah umrah dinasihati tidak melawat la-

dang unta kerana ada kajian menunjukkan virus ini berpunca dari situ walaupun belum disahkan lagi," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Pada 13 April lalu, seorang lelaki yang baru pulang dari mengerjakan umrah meninggal du-

nia di Batu Pahat, Johor dan disahkan dijangkiti virus MERS-CoV.

Subramaniam memberitahu, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Tabung Haji bagi memantau penularan virus tersebut di negara ini.



MERS-CoV berisiko jadi pandemik apabila jemaah umrah dari Johor meninggal dunia.
1,000 penduduk kini terancam

KERATAN Kosmo! 18 April 2014.